



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS Bil. 2 TAHUN 2013 (Pembatalan SP JPS Bil. 4/2011)

PANDUAN PENILAIAN TENDER KERJA SEMAKAN 2013

1.0 TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan peraturan baru yang perlu dipatuhi dalam urusan penilaian tender kerja berdasarkan kepada keputusan pihak pengurusan atasaran Jabatan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Proses penilaian tender adalah bertujuan untuk menentu dan memperakukan kepada Lembaga Perolehan, tender yang paling menguntungkan Kerajaan untuk disetujuterima.
- 2.2 Pemilihan Kontraktor perlu dibuat dengan teliti dengan mengambilkira kemampuan dan prestasi Kontraktor bagi memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dengan mutu pembinaan yang berkualiti.
- 2.3 Bagi mengurangkan kegagalan pelaksanaan projek-projek Kerajaan yang antaranya disebabkan oleh ketidakupayaan Kontraktor untuk melaksanakan kerja oleh kerana harga yang ditawarkan adalah sangat rendah maka kaedah penilaian tender sediada perlu dipinda untuk mengambilkira keadaan pasaran semasa.

2.4 Setelah mengambilkira maklumbalas dari Lembaga Perolehan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (KSAAS) serta keputusan bengkel bertarikh 10 hingga 12 Februari 2012, pindaan yang dikuatkuaskan adalah seperti berikut:

2.4.1 Formula Penetapan Harga ‘Cut-off’ dipinda kepada:

Yang mana tertinggi dari formula pengiraan berikut:-

Adjusted Mean -15% dari Adjusted Mean

Atau

Adjusted Mean – Stdev (Standard Deviation)

2.4.2 Penilaian dibuat ke atas Petender yang berada di bawah paras “cut-off” dengan Harga Kerja Pembina tidak lebih rendah dari **(-)15%** berbanding Harga “Adjusted Mean” Kerja Pembina (Bwam).

2.4.3 Petender perlu mengemukakan salinan Laporan Kewangan Syarikat yang telah diaudit dan disahkan oleh Juruaudit bertauliah bagi tahun kewangan terakhir, atau sekiranya tiada, salinan Laporan Kewangan Syarikat bagi tahun kewangan setahun sebelumnya untuk tender **selain** Gred G7.

2.4.4 Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan Petender bagi tiga (3) bulan yang terakhir sebelum tarikh tutup tender **tidak menjadi Dokumen Wajib** bagi Tender Gred G7.

2.4.5 Pengiraan Modal Minima adalah 5% dari **Harga Tender** yang ditawarkan.

2.4.6 Perubahan pendaftaran kontraktor di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2012.

3.0 CARA PELAKSANAAN

3.1 Panduan Penilaian Tender

3.1.1 Untuk melaksanakan prosedur penilaian tender baru ini, satu Panduan Penilaian Tender Kerja Semakan 2013 telah digubal. Oleh itu mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini, **semua** penilaian tender kerja hendaklah dibuat berdasarkan kepada Panduan Penilaian Tender Semakan 2013 yang disertakan bersama-sama dengan pekeliling ini.

3.2 Tindakan-tindakan Yang Perlu Diambil

3.2.1 Peringkat Penyediaan Dokumen Tender

- (i) Masukkan Arahan-arahan berikut sebagai sebahagian daripada Arahan Kepada Petender (Instructions to Tenderers):
 - a. Lampiran 1A Panduan Penilaian Tender (untuk tender Gred G7); atau
 - b. Lampiran 1B Panduan Penilaian Tender (untuk tender Gred G3 hingga G6)
- (ii) Masukkan Borang-borang A, B, BA, C, D, DA, E, F dan G seperti di **Lampiran ‘A’** Panduan Penilaian Tender Semakan 2013 ke dalam Dokumen Tender sebagai sebahagian daripada ‘Supporting Documents’.
- (iii) Borang BA hendaklah dijilidkan bersama dokumen tender untuk diisi oleh pihak bank atau institusi kewangan dan dikembalikan dalam sampul yang berlakri bersama Dokumen Tender berkenaan.
- (iv) Borang DA hendaklah dijilidkan bersama dokumen tender untuk diisi oleh Penyelia Projek atau Pembantu Kanannya dan dikembalikan dalam sampul yang berlakri bersama Dokumen Tender berkenaan.
- (v) Bagi petender-petender usahasama atau yang bergabung antara dua atau lebih syarikat, setiap ahli gabungan hendaklah diminta mengisi dan melengkapkan borang-borang maklumat yang berasingan.

3.2.2 Peringkat Pelawaan Tender

Semasa lawatan ke tapak bina yang diatur oleh Jabatan, petender hendaklah dimaklumkan dan diberi penerangan mengenai peraturan penilaian tender ini. Petender hendaklah diingatkan betapa mustahaknya untuk mengemukakan dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat seperti yang diminta serta akibatnya terhadap tender mereka jika mereka gagal berbuat demikian.

3.2.3 Peringkat Penilaian Tender

- (i) Penilaian tender hendaklah dilaksanakan mengikut proses-proses seperti mana yang diterangkan dalam Panduan Penilaian Tender Kerja Semakan 2013 dengan menggunakan borang-borang analisa/penilaian seperti di **Lampiran ‘B’** kepada Panduan tersebut.

3.2.4 Penyediaan Kertas Perakuan Tender

- (i) Penyediaan Kertas Perakuan Tender untuk dimajukan kepada Lembaga Perolehan hendaklah mematuhi peraturan sedia ada. **Semua** Kertas Perakuan Tender yang hendak dimajukan ke Lembaga Perolehan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hendaklah dikemukakan melalui Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak, JPS Malaysia untuk diperakukan oleh Ketua Pengarah JPS Malaysia.
- (ii) Selaras dengan peraturan bagi penilaian tender ini, **semua** borang-borang analisa maklumat dan jadual-jadual keputusan yang berkenaan hendaklah dimasukkan dan disertakan bersama dalam Laporan Penilaian Tender.
- (iii) Contoh kandungan Laporan Penilaian Tender yang perlu disediakan adalah seperti di **Lampiran ‘D’** kepada Panduan tersebut.

4.0 PAKEJ PENILAIAN TENDER KERJA


- 4.1 Bagi memudahkan pengiraan penentuan Harga “cut-off” berdasarkan formula yang telah ditetapkan di atas dan bagi tujuan penyeragaman, satu pakej pengiraan Harga ‘cut-off’ telah disediakan dan ianya boleh diperolehi dari Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak, Ibu Pejabat JPS Malaysia. Pihak tuan dikehendaki menggunakan pakej pengiraan ini untuk tujuan penentuan Harga “cut-off” di dalam penilaian dan perakuan tender.
- 4.2 Pakej Penilaian Tender Kerja JPS Semakan 2013 boleh diperolehi dan dimuat turun melalui Laman Infoportal JPS.

5.0 PENGUATKUASAAN DAN PEMBATALAN

- 5.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan dan terpakai bagi perolehan kerja secara tender (Peruntukan Persekutuan).
- 5.2 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Surat Pekeliling JPS Bil. 4/2011 bertarikh 18 Julai 2011 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”


(DATU' IR HJ AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

Tarikh: 29 Mac 2013

PANDUAN PENILAIAN TENDER KERJA SEMAKAN 2013

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Sebelum penilaian dilaksanakan, senarai pendek petender yang akan dinilai ditentukan berdasarkan kepada Kaedah Penentuan Harga ‘Cut-Off’ (rujuk para 3.0).
- 1.2 Proses penilaian ke atas tender-tender dijalankan dalam tiga peringkat iaitu:-

(i) Peringkat Pertama

Peringkat ini merupakan Penilaian Awal untuk menentukan samada petender memenuhi beberapa pra-syarat yang telah ditetapkan dan layak dipertimbangkan untuk penilaian seterusnya.

(ii) Peringkat Kedua

Peringkat ini merupakan penilaian ke atas beberapa petender yang lulus Penilaian Awal untuk mengukur keupayaan petender-petender dari segi Kewangan dan Teknikal. Penilaian ini adalah berdasarkan satu sistem pemarkahan yang dibuat secara objektif untuk menentukan petender-petender yang memenuhi kelayakan minimum.

(iii) Peringkat Ketiga

Peringkat ini meliputi pelarasan harga tender serta penentuan tender yang paling menguntungkan untuk disetujuterima.

- 1.3 Semua pra-syarat yang telah ditetapkan bagi Penilaian Awal serta kriteria-kriteria bagi Penilaian Keupayaan Petender dijelaskan dalam Panduan Penilaian Tender Kerja Semakan 2013 ini. Disamping itu Panduan ini juga menggariskan apakah maklumat-maklumat yang diperlukan untuk membolehkan penilaian dibuat ke atas tender-tender, implikasi sekiranya maklumat tersebut tidak dikemukakan serta tindakan untuk menyemak dan mengesahkan maklumat-maklumat yang diterima.

2.0 MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN

2.1 Borang-borang Maklumat

- 2.1.1 Penilaian tender memerlukan maklumat dan data-data berhubung dengan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan teknikal, keempunyaan loji/peralatan asas dan prestasi kerja semasa petender. Maklumat dan data-data ini hendaklah diperolehi daripada petender dengan menyertakan borang-borang berikut seperti di Lampiran ‘A’ Panduan ini semasa penyediaan dokumen tender:-
- (a) Borang A - Maklumat Am Latarbelakang Petender.
 - (b) Borang B - Data-data Kewangan.
 - (c) Borang BA - Laporan Bank/Institusi Kewangan Ke Atas Kedudukan Kewangan Petender
 - (d) Borang C - Rekod Pengalaman Kerja.
 - (e) Borang D - Senarai Kontrak Kerja Semasa.
 - (f) Borang DA - Laporan Penyelia Projek Bagi Kerja semasa
 - (g) Borang E - Kakitangan Teknikal.
 - (h) Borang F - Senarai Loji dan Peralatan.
 - (i) Borang G - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender

2.2 Dokumen-dokumen Sokongan

- 2.2.1 Bagi memastikan kesahihannya, maklumat dan data-data yang diterima daripada petender hendaklah disokong dengan Dokumen-dokumen Sokongan berikut:-

- (1) Salinan Laporan Kewangan Syarikat (Lembaran Imbang) yang telah diaudit dan disahkan oleh Juru Audit yang bertauliah bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir untuk Tender Gred G7. Manakala bagi Tender selain Gred G7 adalah bagi tahun kewangan terakhir, atau sekiranya tiada, tahun kewangan setahun sebelumnya.

Akaun Syarikat bagi tahun-tahun terdahulu daripada itu tidak boleh diterima. Akaun Syarikat yang tidak diauditkan oleh Juru Audit Bertauliah juga tidak boleh diterima.

- (2) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan petender bagi tiga (3) bulan yang terakhir sebelum tarikh tutup tender.
- (3) Laporan bank/institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan petender, menggunakan format seperti Borang BA, dalam satu sampul berlakri.
- (4) Salinan Perakuan/Pengesahan Siap Kerja dan Salinan Surat Setuju Terima Tender bagi setiap kerja yang telah disiap dan disenaraikan di Borang C.
- (5) Laporan asal dari Penyelia Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang D, atas format seperti Borang DA, dalam satu sampul berlakri. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Penyelia Projek.
- (6) Salinan Penyata Caruman KWSP bagi bulan caruman terakhir dan Borang A yang mengandungi nama setiap kakitangan teknikal yang disenaraikan di Borang E.
- (7) Salinan sijil kelulusan/kelayakan setiap kakitangan teknikal Kategori A dan B yang disenaraikan di Borang E.
- (8) Salinan Kad Pendaftaran atau dokumen-dokumen lain yang membuktikan keempunyaan petender atau perjanjian sewa pajak bagi semua loji dan peralatan yang disenaraikan di Borang F.

2.3 Kegagalan Petender Mengemukakan Maklumat

- 2.3.1 Semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta hendaklah diperolehi daripada petender semasa tendernya dikemukakan. Maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh petender terkemudian daripada tarikh dan waktu tutup Tender **tidak boleh sama sekali** diterima untuk diambilkira dalam penilaian keupayaan petender, walaupun untuk melengkapkan maklumat yang telah diberi.
- 2.3.2 Sekiranya petender gagal untuk mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1.1 (2), tendernya hendaklah ditolak di Peringkat Pertama penilaian tender dan tidak boleh diberi pertimbangan seterusnya.
- 2.3.3 Sekiranya petender gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada Dokumen-dokumen Sokongan (3), (4), (6), (7) dan (8) yang dinyatakan di perenggan 2.2.1, maklumat dan data-data yang tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidak-cukupan dokumen-dokumen tersebut adalah tidak sah dan tidak boleh diambilkira dalam Penilaian Keupayaan petender yang berkenaan. Ini bermakna kriteria-kriteria yang mana penilaiannya memerlukan maklumat atau data-data ini, hendaklah diambil sebagai kosong atau tidak diberi pertimbangan.

2.4 Kesahihan dan Pengesahan Maklumat dan Data-data Penilaian

- 2.4.1 Maklumat-maklumat yang diberi oleh petender melalui Borang-borang Maklumat hendaklah disemak dan dimana perlu, diperbetulkan supaya selaras dengan Dokumen-dokumen Sokongan yang dikemukakan bersamanya. Setelah itu maklumat dan data-data tersebut hendaklah dianalisa dan dijadualkan dalam Borang-borang 1 hingga 9 seperti di Lampiran ‘B’ untuk membolehkan nilaiannya yang sewajarnya dibuat ke atas setiap kriteria penilaian keupayaan bagi petender-petender yang berkenaan.

- 2.4.2 Sekiranya petender didapati tidak memberikan mana-mana maklumat yang dikehendaki, memalsu atau menyorokkannya, catatan yang sewajarnya hendaklah dibuat dalam Analisa Data-data Penilaian dan hendaklah juga dimasukkan dalam Laporan Tender. Dalam kes pemalsuan atau penyorokan maklumat dokumen yang diberikan, tender yang berkenaan hendaklah sama sekali tidak diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetujuterima.
- 2.4.3 Lazimnya penilaian keupayaan petender hendaklah dibuat berdasarkan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang diterima daripada petender bersama-sama tendernya sahaja, tanpa semakan lanjut dengan mana-mana pihak. Bagaimanapun bagi semua tender yang lulus Penilaian Keupayaan, sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap kesahihan dokumen-dokumen sokongan yang diterima daripada/melalui petender, semakan yang sewajarnya hendaklah dibuat dengan CIDB, Pusat Khidmat Kontraktor, pihak bank dan pihak-pihak lain yang berkenaan oleh Pegawai Penilai untuk mengesahkan maklumat-maklumat dan data-data yang digunakan dalam penilaian ke atas petender-petender yang berkenaan.

3.0 PENGUNAAN DAN PENETAPAN HARGA “CUT OFF”

3.1 Pengiraan Harga “Cut-off”

- 3.1.1 Bagi memastikan harga tender adalah munasabah dan sentiasa mengambilkira harga pasaran semasa diperakukan untuk disetujuterima, penentuan kemunasabahan harga sesuatu tender hendaklah dibuat berdasarkan perbandingan dengan satu paras Harga ‘Cut-off’ yang ditetapkan mengikut kaedah statistik ke atas harga-harga tender yang diterima termasuk Anggaran Jabatan sebagai salah satu daripada harga tender .

3.1.2 Penetapan dan Pemakaian Harga ‘Cut-off’

Harga “Cut-off” adalah paras harga terendah yang dianggap munasabah untuk diperakukan. Harga tender yang lebih rendah daripada Harga “Cut-off” dianggap sebagai terlampau rendah dan tidak menjamin kejayaan petender melaksanakan projek .

Mengikut kaedah statistik penetapan Harga Cut-off hendaklah berasaskan harga *Mean* dan *Standard Deviation* harga-harga tender yang diterima (dan Anggaran Jabatan sebagai salah satu daripadanya), setelah mana-mana harga “freak” dikeluarkan.

Harga ‘Cut-off’ hendaklah digunakan bagi semua penilaian tender kerja **kecuali** tender-tender berikut:-

- a) Tender yang disertai kurang daripada 10 petender yang boleh diambilkira untuk pengiraan.
- b) Tender yang disertai lebih dari 10 petender tetapi menjadi kurang dari 10 setelah harga “freak” dikeluarkan selepas proses ‘cut-off’ .
- c) Design & Build , Turnkey dan tender-tender yang berasaskan cadangan rekabentuk/ spesifikasi dari petender.

3.1.3 Pengiraan ‘Harga Cut-off’ adalah berdasarkan formula berikut;

“*Adjusted Mean -15% Adjusted Mean*” atau “*Adjusted Mean – Stdev*” yang mana lebih tinggi.

“**Adjusted Mean**” adalah:

- a) ‘Mean’ sekiranya Anggaran Jabatan (AJ) kurang dari nilai ‘Mean’
- b) Purata diantara ‘Mean’ dan AJ sekiranya AJ lebih tinggi dari ‘Mean’

“**Mean**” adalah purata bagi kesemua harga-harga tender yang diterima dan boleh diambilkira termasuk AJ (sebagai salah satu harga tender) iaitu;

$$\sum X/N$$

“**Stdev**” adalah ‘Standard Deviation’ bagi kesemua harga-harga tender yang diterima dan boleh diambilkira termasuk AJ iaitu;

$$\sqrt{\frac{N \sum X^2 - (\sum X)^2}{N^2}}$$

Yang mana:-

X = Harga-harga Tender dan AJ

N = Bilangan Tender + 1 (AJ)

3.1.4 Semakan Harga “Freak”

Sebarang Harga Tender yang dianggap “freak” hendaklah dikeluarkan daripada pengiraan. Untuk tujuan ini adalah diputuskan bahawa sesuatu Harga Tender atau Anggaran Jabatan hendaklah dikira sebagai “freak” sekiranya ;

$$X - “Mean” > 2.33 \text{ kali Stdev (Z-score} > 2.33)$$

Atau

$$X - “Mean” < -2.33 \text{ kali Stdev (Z-score} < -2.33)$$

3.2 Petender Yang Perlu Dinilai

Penilaian hanya perlu dilaksanakan ke atas sekurang-kurangnya 10 tender yang berada di atas paras “Cut-off” dan tender yang berada di bawah paras “cut off” dengan Harga Kerja Pembina tidak lebih rendah dari (-)15% berbanding Harga “Adjusted Mean” Kerja Pembina.

4.0 PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

4.1 Pra Syarat Kelayakan

4.1.1 Pra Syarat Kelayakan yang telah ditetapkan dan perlu ditepati oleh petender bagi melayakkan tendernya dipertimbangkan untuk penilaian Peringkat Kedua adalah seperti berikut:-

(1) Kesempurnaan Tender

Hanya tender-tender yang lengkap dan bebas dari segala kecacatan dari segi undang-undang dan kontrak yang boleh menjasakan kelayakannya mengikut amalan semasa, layak dipertimbangkan. Misalnya tender yang mana borang tender tidak ditandatangani atau ditandatangani oleh pihak yang tidak diberi kuasa atau dimana harga tender tidak dicatat di dalam borang tender atau tidak menepati mananya syarat memasuki tender yang penting tidak layak dipertimbangkan. Kesemua dokumen asas tender juga hendaklah dikembalikan oleh petender. Dokumen asas yang dimaksudkan adalah:-

- (a) Borang Tender
- (b) Senarai Kuantiti/Ringkasan Tender
- (c) Adenda (tambahan) yang dikemukakan kepada kontraktor selepas dokumen dijual kepada mereka (jika ada).
- (d) Rekabentuk, Spesifikasi, Senarai Harga dan sebagainya yang perlu bagi membolehkan kerja yang direkabentuk oleh kontraktor dinilai.
- (e) Surat Akuan Pembida.

(2) Kecukupan Dokumen Wajib

Petender hendaklah mengemukakan maklumat dan Dokumen-dokumen Sokongan yang secukupnya semasa mengemukakan tendernya untuk membolehkan penilaian keupayaannya dibuat. Dokumen-dokumen berikut telah ditetapkan sebagai **dokumen wajib** yang mesti dikemukakan oleh petender untuk melayakkan tendernya dipertimbangkan.

(a) (i) Bagi Tender Gred G7:

Salinan Laporan Kewangan Syarikat (Lembaran Imbangan) yang telah diaudit dan disahkan oleh Juru Audit yang bertauliah bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir.

(ii) Bagi Tender Gred G3 hingga G6:

Salinan Laporan Kewangan Syarikat (Lembaran Imbangan) yang telah diaudit dan disahkan oleh Juru Audit yang bertauliah bagi tahun kewangan terakhir, atau sekiranya tiada, salinan Laporan Kewangan Syarikat bagi tahun kewangan setahun sebelumnya;

atau

Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan petender bagi tiga (3) bulan yang terakhir sebelum tarikh tutup tender;

dan

(b) Senarai kontrak kerja semasa petender atas Borang D dan Laporan Penyelia Projek menggunakan Borang DA;

Petender yang gagal mengemukakan mana-mana dokumen tersebut tidak layak dipertimbangkan.

(3) Prestasi Kerja Semasa Yang Memuaskan

- (a) Kerja semasa dierangkan kerja kontrak semasa yang masih dalam pelaksanaan dan belum disiapkan pada Tarikh (tutup) Tender. Penilaian Prestasi Kerja Semasa hanya perlu dibuat bagi petender yang mempunyai kerja semasa sahaja.
- (b) Prestasi kerja semasa dinilai berdasarkan pencapaian kemajuan kerja semasa petender berbanding dengan kemajuan yang sepatutnya dicapai mengikut program kerja dan berpandukan laporan yang diterima daripada Penyelia Projek atas Borang DA.
- (c) Petender hendaklah dipastikan tidak mempunyai kerja semasa yang mana prestasinya boleh dianggap sebagai "sakit" atau sedang menghadapi tindakan untuk penamatan pengambilan kerjanya. Sekiranya prestasi semasa petender dua puluh peratus (20%) atau lebih terkebelakang dari jadual, prestasi kerjanya adalah ditakrifkan sebagai 'sakit'. Sekiranya didapati bahawa kerja semasa yang dilaksanakan oleh petender merupakan 'projek sakit' atau petender sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerjanya, petender yang berkenaan hendaklah ditolak dan tidak diberi pertimbangan, walaupun terdapat lain kerja semasanya yang berjalan lancar.

4.1.2 Keputusan Penilaian Awal tender-tender hendaklah dijadualkan dalam Lampiran B4 (Borang 4). Petender yang didapati gagal menepati salah satu daripada pra-syarat kelayakan (1), (2) atau (3) di atas adalah **tidak** layak diberi pertimbangan selanjutnya.

4.1.3 Petender-petender yang lulus Penilaian Awal hendaklah disenaraikan di Lampiran B5 (Borang 5) untuk penilaian seterusnya.

5.0 PENILAIAN PERINGKAT KEDUA - PENILAIAN KEUPAYAAN PETENDER

5.1 Penilaian Keupayaan hanya dilaksanakan ke atas beberapa petender yang lulus Penilaian Peringkat Pertama, bermula dengan tender terendah mengikut turutan Harga Tender Menaik.

5.2 Faktor-faktor Penilaian

5.2.1 Faktor-faktor berikut digunakan bagi menilai keupayaan petender-petender:-

A) Keupayaan Kewangan

- (i) Kecukupan Modal Pusingan

B) Keupayaan Teknikal

- (i) Pengalaman Kerja
- (ii) Kakitangan Teknikal
- (iii) Keempunyaan Loji/Peralatan Asas

5.3 Kriteria-Kriteria Penilaian

5.3.1 Keupayaan Kewangan

(1) Keupayaan kewangan ialah keupayaan petender untuk membiayai projek-projek di dalam tangan daripada pelbagai punca kewangannya. Keupayaan ini dinilai berdasarkan kecukupan modal minimum dan dikira mengikut formula seperti berikut:-

- (a) $JMP = JMS - 2 \text{ (NBK)}$
dimana,

$$JMP = \text{Jumlah Modal Pusingan}$$

JMS = Jumlah Modal Sedia ada, iaitu nilai modal pusingan seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan **atau** purata baki wang dalam tangan mengikut Penyata Bulanan Bank bagi 3 bulan terakhir, yang mana lebih tinggi, **dan** nilai baki kemudahan kredit daripada bank atau institusi kewangan lain.

NBK = Nilai Bulanan Baki Kerja dalam tangan.

(b) Modal Minimum yang diperlukan = 5% daripada **Harga Tender**

- (2) Kriteria penilaian keupayaan kewangan petender ialah nisbah peratusan Jumlah Modal Pusingan (JMP) berbanding dengan Modal Minimum yang diperlukannya untuk membiayai projek yang ditendernya.

5.3.2 Keupayaan Teknikal

(a) Pengalaman Kerja

- (1) Faktor ini dinilai berdasarkan nilai kerja-kerja yang Serupa atau yang Sebanding dengan projek yang ditender bagi tempoh 5 tahun kebelakang.
- (2) Petender perlulah memenuhi salah satu kriteria minimum seperti berikut:-
- (i) Mempunyai pengalaman dalam kerja yang Serupa bernilai 30% daripada Anggaran Jabatan bagi kerja yang ditender.

atau;

- (ii) Mempunyai pengalaman dalam kerja yang Sebanding bernilai 50% daripada Anggaran Jabatan bagi kerja yang ditender.
- (3) Penentuan sama ada sesuatu pengalaman kerja itu Serupa atau Sebanding dengan projek yang ditender, hendaklah berpandukan kepada penjenisan kerja mengikut Kategori dan Pengkhususan yang dipakai bagi pendaftaran kontraktor-kontraktor kerja oleh CIDB dan mengikut takrif-takrif berikut:-
- (a) **Serupa** ertinya -
- (i) Kerja yang diliputi oleh Kategori kerja dan Pengkhususan yang sama seperti kerja yang ditender.
- (ii) Kerja yang diliputi oleh Kategori kerja yang sama tetapi Pengkhususan kerja yang berlainan daripada kerja yang ditender dan bersifat lebih kompleks.
- (b) **Sebanding** ertinya -
- (i) Kerja yang diliputi oleh Kategori kerja yang sama tetapi Pengkhususan kerja yang berlainan daripada kerja yang ditender dan tidak bersifat lebih kompleks.
- (ii) Kerja yang diliputi oleh Kategori kerja yang berlainan daripada kerja yang ditender tetapi bersifat lebih kompleks daripada kerja yang ditender.

(4) Dimana kerja dilaksanakan oleh Petender sebagai Sub-kontraktor biasa atau Sub-kontraktor Yang Dinamakan, bukti dalam bentuk perjanjian Sub kontrak yang telah disetemkan perlu disertakan.

(b) Kakitangan Teknikal

- (1) Faktor ini dinilai berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-
- (i) Bilangan kakitangan teknikal di bawah penggajian petender berbanding dengan bilangan Anggaran Keperluan Minimum (AKM) kakitangan teknikal untuk melaksanakan projek yang ditender dengan memuaskan.
- (ii) Pengalaman kakitangan teknikal di bawah penggajian petender.
- (2) Bilangan AKM kakitangan teknikal bagi sesuatu projek hendaklah ditetapkan sebelum penilaian kriteria ini dibuat, berdasarkan nilai Anggaran Jabatan. Panduan bagi menetapkan bilangan AKM serta takrif bagi Kategori-kategori kakitangan teknikal adalah seperti di Lampiran C1.
- (3) Kakitangan-kakitangan tersebut di atas yang boleh diambilkira hendaklah hanya mereka yang sedang dalam penggajian petender pada tarikh tutup Tender sahaja termasuk ahli profesional yang diambil berkhidmat secara kontrak.
- (4) Petender perlu mengemukakan bukti penggajian seperti caruman KWSP atau perjanjian kontrak dan salinan sijil kelayakan atau pengalaman kakitangan yang dicadangkan.

- (c) **Keempunyaan Loji/Peralatan Asas**
- (1) Jenis dan bilangan minimum Loji/Peralatan Asas hendaklah ditentukan oleh Pegawai Penilai bagi sesuatu projek bergantung kepada jenis, nilai dan tempoh penyiapan kerja yang perlu dijalankan.
- (2) Loji dan peralatan yang boleh diambilkira dalam penilaian hendaklah terhad kepada loji dan peralatan yang dippunyai sendiri oleh petender (beserta bukti pemilikan) atau yang disewa pajak dengan syarat perjanjian sewa pajak hendaklah meliputi tempoh penggunaan loji berkenaan bagi projek yang sedang ditender.

5.4 **Markah Penilaian dan Kelayakan Minimum**

5.4.1 **Kaedah Pengiraan Markah**

- (1) Setiap faktor penilaian diberikan markah berdasarkan wajaran (weightage) faktor berkenaan.
- (2) Markah yang diperuntukkan bagi setiap faktor adalah bergantung kepada penilaian yang dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan pengiraan markah ini hendaklah dibuat dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan seperti di Lampiran B6c (Borang 6C), Lampiran B7 (Borang 7), Lampiran B8b (Borang 8B) dan Lampiran B9 (Borang 9).
- (3) Wajaran yang diperuntukkan bagi setiap faktor penilaian adalah seperti berikut:-

| Faktor | Petender Berpengalaman | Petender Belum Berpengalaman |
|-------------------------|------------------------|------------------------------|
| Keupayaan Kewangan | 45% | 45% |
| Pengalaman Kerja | 30% | 0% |
| Kakitangan Teknikal | 15% | 15% |
| Loji dan Peralatan Asas | 10% | 10% |
| Jumlah | 100% | 70% |

- (4) Petender Berpengalaman ditakrifkan sebagai petender yang pernah menyiapkan sekurang-kurangnya satu kontrak kerja. Petender Belum Berpengalaman ialah petender yang baru berdaftar dan/atau belum pernah melaksanakan sebarang projek.

5.4.2 Kelayakan Minimum

- (1) Semua keputusan penilaian keupayaan petender hendaklah dijadualkan dalam Borang 10 (Lampiran B10) dan markah-markah bagi setiap faktor penilaian dijumlahkan.
- (2) Nilai Keupayaan Minimum bagi melayakkan petender dipertimbangkan untuk diperakukan kepada Lembaga Tender adalah seperti berikut:-

$$\begin{array}{ll} \text{Petender Berpengalaman} & = 60 \text{ markah} \\ \text{Petender Belum Berpengalaman} & = 50 \text{ markah.} \end{array}$$

- (3) Petender yang memperolehi markah Penilaian Keupayaan yang kurang daripada Markah Kelayakan Minimum hendaklah dianggap tidak berkeupayaan untuk melaksanakan kerja yang ditender dan oleh itu tidak layak dipertimbangkan untuk diperakukan.

6.0 PENILAIAN PERINGKAT KETIGA - PENENTUAN TENDER YANG PALING MENGUNTUNGKAN UNTUK DIPERAKUKAN

- 6.1 Pelarasan Harga Tender** (Bagi kes dimana tempoh penyiapan ditawarkan oleh Petender dan tidak ditetapkan oleh Jabatan).
- 6.1.1 Pelarasan Harga Tender hendaklah dibuat ke atas semua tender yang telah lulus di peringkat kedua.
- 6.1.2 Bagi mengambilkira tempoh penyiapan kerja yang ditawarkan oleh petender, harga tender hendaklah dilaras dengan cara mencampurkan jumlah kerugian yang dijangka akan ditanggung oleh Kerajaan kerana kelewatan penyiapan projek kepada harga tender petender yang menawarkan tempoh penyiapan yang lebih panjang daripada tempoh penyiapan yang munasabah.
- 6.1.3 Tempoh penyiapan yang dianggap munasabah ialah suatu Tempoh Penyiapan Penengah (median) di antara tempoh-tempoh penyiapan yang ditawarkan oleh petender-petender. Hanya harga tender petender-petender yang menawarkan tempoh penyiapan yang melebihi Tempoh Penyiapan Penengah sahaja yang perlu dilaras. Cara menentukan Tempoh Penyiapan Penengah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran C2 kepada Panduan ini.
- 6.1.4 Amaun yang perlu ditambah kepada harga sesuatu tender yang berkenaan hendaklah sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada jumlah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) bagi tempoh yang melebihi Tempoh Penyiapan Penengah tersebut.
- 6.1.5 Tender-tender yang telah dilaras hendaklah disusun semula mengikut turutan harga yang telah terlaras.
- 6.1.6 Pelarasan tersebut dan penyusunan semula tender-tender hendaklah dibuat dan dijadualkan dalam Borang 11 seperti di Lampiran B11.

6.2 Tender Yang Hendak Diperakukan

- 6.2.1 Pada prinsipnya tender yang paling menguntungkan Kerajaan untuk diperakukan kepada Lembaga Perolehan untuk disetujuterima hendaklah tender yang terendah dan lulus semua peringkat penilaian.
- 6.2.2 Bagi penilaian yang tidak menggunakan kaedah ‘Cut-Off’, sekiranya Jawatankuasa Penilaian Tender mendapati bahawa Anggaran Jabatan adalah lebih rendah berbanding harga tender yang terendah, perkara seperti ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Laporan Tender dan perakuan yang sewajarnya dengan sebab-sebab yang munasabah hendaklah dibuat kepada Lembaga Perolehan supaya sama ada:
- (a) Meneruskan penerimaan tender tersebut; atau
 - (b) Tidak menerima mana-mana tender dan mempelawa semula Tender.
- 6.2.3 Pertimbangan untuk memutuskan salah satu perakuan di atas hendaklah berasaskan pilihan yang dipercayai paling menguntungkan Kerajaan setelah mengambilkira kesuntukan masa bagi perlaksanaan projek, keadaan pasaran, kemungkinan wujudnya pakatan menender oleh petender-petender dan sebagainya. Bagaimanapun dalam apa jua keadaan sekalipun, **sebagai satu polisi yang perlu dipatuhi oleh Jawatankuasa Penilaian Tender mengikut peraturan ini, petender yang tidak lulus Penilaian Keupayaan atau dalam lain perkataan tidak layak diperakukan, tidak boleh sama sekali diperakukan untuk disetujuterima.**

LAMPIRAN - LAMPIRAN